

Isnin, 29 Februari 2016

**KUALA LUMPUR, 29 FEBRUARI 2016** – Kerajaan akan melanjutkan diskaun 30% bagi pengguna perkhidmatan bas antara bandar bagi laluan dari Rawang, Klang dan Seremban ke Kuala Lumpur mulai 1 Mac 2016 sehingga 31 Disember 2016.

Inisiatif yang diperkenalkan pada 1 September 2015 ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan untuk meringankan kos perjalanan harian bagi pengguna yang menetap di kawasan pinggir bandar dan yang bekerja di pusat bandar Kuala Lumpur. Disamping itu, diskaun ini juga bertujuan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam secara lebih meluas dan akan memberi manfaat kepada orang ramai yang memilih pas bulanan bagi perjalanan mereka.

Pengguna yang berminat boleh membeli pas bulanan daripada pengendali pilihan, seperti tertera di jadual yang berikut:

LALUAN	SEREMBAN-KL			KLANG –KL	RAWANG-KL (oleh Setara Jaya Sdn. Bhd.)		
	SKS-KL	SUASANA EDARAN & SKB	*LALUAN KHAS (oleh SKS KL		LALUAN BIASA	**BET 5 & BET 6 Dari Bandar Tasik Puteri / Bukit Beruntung	BET 5 Dari Country Home
SEBELUM Diskaun	RM210.00	RM220.00	RM250.00	RM130.00	RM104.00	RM154.00	RM132.00
SELEPAS 30% Diskaun	RM147.00	RM154.00	RM175.00	RM91.00	RM73.00	RM108.00	RM92.00

Nota :

\*LALUAN KHAS : Perkhidmatan langsung dari dan ke Terminal – Kawasan Pejabat / Kawasan Perumahan ke Pejabat

\*\*BET 5: Bandar Tasik Puteri – Country Home – Kuala Lumpur

BET 6: Bukit Beruntung – Kuala Lumpur

Diskaun ini adalah tertakluk pada terma dan syarat, dan ianya terbuka untuk semua warganegara Malaysia yang menetap di Seremban, Klang dan Rawang dan bekerja di Kuala Lumpur. Borang aplikasi boleh dimuat turun melalui [www.spad.gov.my](http://www.spad.gov.my) [1], [1] Di samping itu,

borang aplikasi juga boleh didapati di kaunter tiket pengendali bas yang yang ditetapkan sepertimana dalam jadual diatas.

[\[Muat Turun Fail \[2\] | Muat Turun Borang \[3\]](#)

## **KERAJAAN MELANJUTKAN INSENTIF DISKAUN 30% BAGI PENGGUNA PERKHIDMATAN BAS ANTARA BANDAR** <sup>[4]</sup>

---

**Source URL:** <http://apad.gov.my/ms/pusat-media/kenyataan-media/2016/kerajaan-melanjutkan-insentif-diskaun-30-bagi-pengguna-perkhidmatan>

### **Links**

[1] <http://www.spad.gov.my/>

[2] [http://apad.gov.my/sites/default/files/kenyataan\\_media\\_-\\_kerajaan\\_melanjutkan\\_insentif\\_diskaun\\_30\\_bagi\\_pengguna\\_perkhidmatan\\_bas\\_antara\\_bandar.pdf](http://apad.gov.my/sites/default/files/kenyataan_media_-_kerajaan_melanjutkan_insentif_diskaun_30_bagi_pengguna_perkhidmatan_bas_antara_bandar.pdf)

[3] [http://www.spad.gov.my/sites/default/files/latest\\_borang\\_pemohonan\\_kadar\\_tambang\\_am\\_v.81.pdf](http://www.spad.gov.my/sites/default/files/latest_borang_pemohonan_kadar_tambang_am_v.81.pdf)

[4] <http://apad.gov.my/ms/pusat-media/kenyataan-media/2016/kerajaan-melanjutkan-insentif-diskaun-30-bagi-pengguna-perkhidmatan>